

## Parti Politik dan Dasar Perjuangan di Kawasan DUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan

### *Political Parties and Struggle Policy in the Area of State Legislative Assembly Constituency of Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan*

Muhammad Khairul Ashraf Pakri  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

e-mail koresponden: [ljab@ukm.edu.my](mailto:ljab@ukm.edu.my)

#### ABSTRAK

*Kewujudan perbezaan dasar perjuangan parti politik yang berbeza-beza di Malaysia mewujudkan kancah politik yang rencam. Keadaan sedemikian adalah disebabkan dasar sesebuah parti politik yang ingin memperjuangkan hak bangsa masing-masing tanpa mewujudkan persefahaman bersama. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis parti politik dan dasar perjuangan di kawasan DUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa 38 peratus responden menyatakan mereka faham tentang maksud dasar perjuangan parti politik yang dibawa oleh parti politik di kawasan kajian. Seterusnya, 44 peratus responden berpendapat bahawa dasar perjuangan parti politik yang dibawa berjaya untuk mempengaruhi pemikiran mereka untuk menyokong parti politik terbabit dalam pilihan raya. Seterusnya, 58 peratus responden menganggap bahawa parti politik yang memperjuangkan agama Islam yang akan mewujudkan kancah politik yang stabil di kawasan kajian. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan mampu mewujudkan golongan pemilih atau pengundi yang berdisiplin melalui agenda atau dasar perjuangan parti politik yang bertanding. Diharap dengan adanya kajian ini ianya akan dijadikan sebagai rujukan kepada ahli politik, NGO dan pengkaji lain mengenai politik semasa di dalam negara.*

**Kata kunci:** dasar perjuangan, parti politik, pengundi, pemikiran, ilmu pengetahuan

#### ABSTRACT

*The existence of differences in the struggle policies of different political parties in Malaysia creates a colourful political arena. Such a situation is due to the policy of a political party that wants to fight for the rights of their respective races without creating mutual understanding. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze political parties and struggle policies in the Pengkalan Pasir state legislative assembly, Pasir Mas, Kelantan. This study uses a field data collection method that involves questionnaires, interviews and field observations. Data analysis techniques were used using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The results of the study found that 38 percent of the respondents stated that they knew about the meaning of the political party struggle policy carried by political parties in Malaysia. Next, 44 per cent of the respondents thought that the struggle policies of the political parties brought were successful in influencing their thinking to support the political parties involved in the elections. Furthermore, 58 percent of respondents think*

*that political parties that fight for Islam will create a stable political arena in Malaysia. In conclusion, this study is important because it can add knowledge, add data related to the study of election politics and be able to create a disciplined group of voters or voters through the agenda or policy of the struggle of the political party contesting. It is hoped that with this study it will be used as a reference for politicians, NGOs and other researchers on current politics in the country.*

**Keywords:** *struggle policy, political party, voters, thought, science*

## 1. Pengenalan

Kancah politik di Malaysia berada pada tahap yang stabil pada hari ini. Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, dengan Melayu, Cina dan India adalah kaum utama. Selain itu, ia juga terdiri daripada beberapa kaum minoriti yang lain. Dalam masyarakat sama juga Malaysia merupakan sebuah negara yang kukuh dan maju dari segi ekonomi. Sebagai antara negara yang stabil dari segi politik, ia tidak pernah mengalami sebarang insiden yang serius kecuali pada tahun 1969, yang membawa Malaysia ke dalam landskap politik yang berbeza. Ini kerana, pada tahun 1969 negara Malaysia telah dilanda rusuhan kaum yang terburuk melanda negara dan ia merupakan titik permulaan kepada perubahan politik negara namun politik negara reda selepas itu. Dalam negara Malaysia, parti politik yang aktif adalah United Malays National Organization (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Malayan Chinese Association (MCA), Democratic Action Party (DAP) dan Malayan Indian Congress (MIC) dan lain-lain. Pada masa kini dapat diperhatikan bahawa kebanyakan kaum Melayu akan menyokong UMNO dan PAS manakala kaum Cina menyokong MCA dan DAP dan kaum India menyokong MIC. Sokongan terhadap parti kaum masing-masing wujud sejak dahulu lagi ditubuhkan kerana parti terbabit akan memperjuangkan tujuan awal mereka masing-masing iaitu kepentingan sosioekonomi dan politik.

Keadaan sedemikian yang menyebabkan parti politik ini dapat dikategorikan sebagai parti yang berasaskan perkauman, nilai kemanusiaan, dan ideologi tertentu. Negeri Kelantan mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi politiknya. Ini kerana kebanyakan parti politik di negeri ini hanya mementingkan dua perkara utama iaitu orang Melayu dan agama Islam. Sejarah politik yang sengit sedemikian wujud adalah disebabkan dasar yang dibawah jentera parti yang berbeza-beza. Dalam masa yang sama juga tuduh menuduh antara parti PAS dengan UMNO sangat kuat kerana pada ketika itu PAS hanya memperjuangkan agama Islam sebagai dasar parti politik untuk mempengaruhi pemikiran pengundi Melayu dengan menuduh UMNO sebagai “tali barut” pihak British. Namun ianya ditentang sekeras-kerasnya oleh UMNO dengan menyatakan Kelantan mundur pada masa terbabit adalah disebabkan oleh kerajaan pada ketika itu iaitu PAS menolak pembangunan dengan mementingkan agama Islam sahaja. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis parti politik dan dasar perjuangan di kawasan DUN Pengkalan Pasir.

## 2. Sorotan Literatur

Menurut Amani Dahaman (2011), sorotan literatur merupakan ulasan maklumat yang diperoleh daripada jurnal, buku, prosiding dan penyelidikan lepas (tesis) untuk sesuatu penyelidikan terbaru. Dalam masa yang sama juga sorotan literatur juga merupakan kajian semula dalam mengumpulkan pengetahuan tentang sesuatu persoalan iaitu ianya merupakan langkah asas pertama dalam proses penyelidikan. Kesemua ulasan artikel yang diambil akan dianalisis untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti. Antara perkara yang terkandung

dalam sorotan literatur ini ialah kajian politik pilihan raya di luar negara, dalam negara dan di negeri Kelantan.

Bagi kajian luar negara, Constance & Lonnie (1998) dalam penulisan yang bertajuk “Youth Political Development: An Introduction” membincangkan proses perkembangan remaja menjadi ahli politik yang aktif dalam masyarakat iaitu mereka tinggal dan sikap dan kepercayaan yang mendasari aktiviti tersebut (atau tidak aktif). Dalam dunia hari ini, penyertaan politik yang difikirkan secara meluas dalam isu ini boleh menjadi domain yang paling penting dalam pembangunan manusia, pastinya sama kritikalnya keibubapaan dan bidang lain yang telah menerima bahagian terbesar penyelidikan perhatian. Selain itu, Kazimierz & Goldie (2012), dalam penulisan yang bertajuk “Perceptions of political party corruption and voting behaviour in Poland” menyatakan bahawa persepsi terhadap rasuah parti politik penting sama sekali untuk keutamaan pengundi. Oleh itu, terdapat model pilihan parti iaitu mereka menganggarkan pengaruh persepsi rasuah setiap parti, bersih daripada pembolehubah lain terhadap niat mengundi. Selain itu, Frederick, Jian & Vincent (2020) dalam penulisan yang bertajuk “Anatomy of Africa’s evil siamese twins: A comparative research of boko haram and Al-Shabab” menyatakan bahawa ledakan beberapa bahagian Afrika ke dalam politik yang tidak stabil dan tidak stabil adalah kejadian kurang baik yang telah menarik banyak kebimbangan dan kebimbangan merentasi panjang dan luas dunia. Tambahan pula, penyimpangan daripada status quo tradisional iaitu banyak premium diletakkan ke dalam penglibatan global yang lebih luas untuk pengabaian daripada negeri yang terjejas dan induk asal usul pemberontakan akan membantu input beberapa tahap pembaharuan yang ketara dalam memerangi keganasan di Afrika.

Selain itu, kajian politik pilihan raya dalam negara oleh Junaidi et al. (2016) dalam karya yang bertajuk “Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: suatu analisis ‘tsunami politik bandar’” menjelaskan bahawa analisis data keputusan PRU 2004, 2008 dan 2013 menunjukkan bahawa berlakunya ‘tsunami politik bandar’. Ianya berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS serta faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada PR. Senario politik bandar di negara ini yang didominasi golongan elit dan pertengahan adalah dinamik dan terbuka serta kritis kerana sumber maklumat politik mereka (media baru/alternatif iaitu internet; laman sosial seperti facebook dan twitter; laman web; dan blog) yang meluas dan menyeluruh. Strategi ini juga relevan bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang merupakan fix deposit kepada BN dan tembok hegemoni BN di Putrajaya pada PRU akan datang. Selain itu, Zamirul (2017) dalam penulisan yang berjudul “Politik rentas kaum di Malaysia: Bersediakan kita?” menjelaskan kawasan tertentu percaturan politik masih lagi terikat kuat dengan isu berteraskan kaum yang dibawa oleh sesuatu parti politik. Bagi pihak pembangkang mereka mengatakan bahawa keputusan PRU-13 adalah menunjukkan bahawa rakyat di Malaysia pada hari ini telah menolak politik yang berteraskan kepada kaum sebaliknya memilih politik yang mengutamakan isu sejagat seperti demokrasi, keadilan sosial, ekonomi dan sebagainya. Dalam kajian Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faiz (2012) pada pilihan raya kecil (PRK) di DUN Tenang, Johor menunjukkan keputusan PRK bagi kawasan daerah mengundi dalam DUN Tenang yang majoritinya pengundi etnik Cina memihak kepada parti pembangkang iaitu PAS namun kawasan majoriti Melayu terus didominasi UMNO/BN.

Seterusnya bagi kajian politik di Kelantan, Mohd Fuad & Junaidi (2011) dalam kajian mereka iaitu ‘Pembangunan dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan’. menyatakan bahawa pengundi di kawasan Manek Urai jelas mengutamakan pemimpin yang mesra rakyat selain memahami rentak kehidupan mereka dan pemimpin yang mampu menyediakan kemudahan asas yang cukup

bagi memastikan kehidupan mereka terjamin. Ini jelas dapat dilihat apa yang telah dilakukan oleh Pak Su Wil dalam usaha mensejahterakan rakyat. Ini kerana, keadaan BN yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh mampu menunaikan pembangunan yang dirancang dan dapat menawan hati pengundi dalam setiap pilihan raya kecil atau pun pilihan raya umum.

Seterusnya, Junaidi et al. (2016) dalam karya mereka yang bertajuk ‘Pendekatan teori kelakuan pengundi dan pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan’ menunjukkan bahawa pendekatan teori kelakuan pengundi yang paling diutamakan di N22 Jelawat adalah teori pilihan rasional iaitu pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan dapat memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan itu. Dengan itu, parti yang mempunyai dana yang banyak serta mempunyai pengalaman dalam memerintah akan dipilih oleh responden yang berfikiran sedemikian. Samsiyah (1996) tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi PRU 1986, 1990, dan 1995 di Kelantan menunjukkan bahawa pendapat, sikap, dan tindak balas antara individu adalah berbeza. Pengundi di Kelantan berminat tentang politik sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar dan mereka mengambil berat terhadap calon yang menang. Junaidi (2017) dalam penulisan yang bertajuk “Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan” menjelaskan bahawa pengundi di Parlimen Pasir Mas masih membuat pilihan untuk kekal bersama kepemimpinan PAS walaupun parti ini dikatakan mundur namun demi perjuangan agama mereka lebih memilih parti ini berbanding parti lain. Ianya dapat dilihat melalui pendapat umum pengundi Pasir Mas memberi satu gambaran kepada politik Kelantan dan negara melalui isu yang diutarakan menunjukkan pengundi begitu mengambil tahu tentang politik semasa negara dan negeri. Dengan itu, pihak berkepentingan perlu mengambil langkah sewajarnya dalam menangani isu yang boleh membawa kepada kebencian dan kritikan pengundi kepada mereka seterusnya merangka strategi untuk mengambil hati pengundi untuk terus menyokong mereka pada pilihan raya umum akan datang.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian yang dijalankan ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu data sekunder dan data primer. Data primer yang dikumpul melalui edaran borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian lapangan. Bagi memperoleh maklumat seramai 50 orang responden telah diberikan borang soal selidik untuk dijawab. Pengkaji telah membahagikan kepada dua kawasan iaitu bandar dan luar bandar. Seramai 25 orang responden dari kawasan bandar iaitu Kubang Bemban dan 25 orang responden dari kawasan luar bandar iaitu Kampung Slow Machang. Kesemua soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik berkenaan adalah berbentuk terbuka dan tertutup.

Selain itu, kaedah temu bual juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang pengetahuan politik di kawasan kajian. Kesemua soalan yang ditanya ketika temu bual adalah terbuka yang memerlukan pendapat dari informan. Pemilihan informan ini berdasarkan penglibatan aktif informan dalam politik di DUN Pengkalan Pasir, Parlimen Pasir Mas.

Menerusi temu bual yang dijalankan pengkaji telah menemu bual 2 orang informan di tempat yang berbeza-beza antaranya di pejabat DUN dan rumah mereka.

Seterusnya, kaedah pemerhatian di lapangan juga digunakan dalam kajian ini. Pemerhatian lapangan yang digunakan adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian temu bual. Pemerhatian yang dilakukan adalah berdasarkan perubahan politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian.

Pengumpulan data sekunder juga didapati melalui sumber bertulis dan sumber yang sedia ada daripada terbitan kerjaan atau agensi tertentu. Terdapat dua kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data sekunder menerusi kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Perpustakaan menjadi rujukan utama bagi memperoleh data dan maklumat daripada buku, majalah, jurnal, kertas seminar, laporan bulanan dan tahunan kerajaan yang telah disediakan dan akhbar yang sering dijadikan sebagai rujukan antaranya ialah Utusan Malaysia, Kosmo dan Berita Harian. Pengkaji mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian politik yang dilakukan. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar online, blog, aplikasi Whatsapp, Facebook, Youtube dan lain-lain. Pengkaji juga membuat pembacaan dan rujukan daripada bahan bacaan secara atas talian seperti Google Scholar, Academia dan lain-lain.

### **3.2 Analisis Data**

Dalam menganalisis data dari soal selidik terbabit, pengkaji telah menggunakan perisian Statistics Package for Social Science (SPSS) bagi mengambil kira kekerapan dan peratusan daripada 50 borang soal selidik yang telah diedarkan. Penggunaan kaedah sedemikian memudahkan pengkaji untuk menyampaikan maklumat dari kajian ini. Dalam masa yang sama juga penggunaan perisian sedemikian memudahkan urusan pengkaji kerana dapat menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat.


### **3.3 Kawasan Kajian**

Kawasan DUN Pengkalan Pasir berada dalam Parlimen Pasir Mas. Ini kerana Parlimen Pasir Mas mempunyai tiga kawasan DUN iaitu N.11 Tendong, N.12 Pengkalan Pasir dan N.13 Meranti. Ianya juga merangkumi sembilan kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). DUN ini mula dipertandingkan pada 1986 dan memberi mandat kepada seorang ahli Dewan Undangan Negeri di DUN Kelantan mengikut sistem undian terbanyak. N.12 Pengkalan Pasir ini mempunyai 9 Mukim iaitu Mukim Sakar, Mukim Kubang Bemban dan lain-lain. N.12 Pengkalan Pasir terletak berhampiran Sungai Kelantan di selatan, DUN Meranti di utara di DUN Tendong di timur. Bagi koordinat N.12 Pengkalan Pasir ialah 6° 0' 38" Utara, 102° 10' 27" Timur.

Jika dilihat dari segi geografi pilihan raya bagi DUN Pengkalan Pasir ianya mempunyai keunikan yang tersendiri berbanding kawasan DUN yang lain. Ini kerana, DUN Pengkalan Pasir mula dipertandingkan pada tahun 1986. Pada tahun terbabit calon dari BN iaitu Hassan Ismail telah memenangi dengan majoriti 2,065 undi menewaskan calon dari PAS iaitu Ismail Noh. DUN Pengkalan Pasir adalah antara 24 daripada 45 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan yang dimenangi oleh PAS pada pilihan raya umum 2004. Situasi politik DUN Pengkalan Pasir berubah pada tahun 2005 apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 27 November 2005 sebagai hari penamaan calon dan 6 Disember 2005 untuk mengundi bagi Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir. Pilihan Raya Kecil terbabit

diadakan setelah kematian penyandanginya, Wan Abdul Aziz Wan Jaafar daripada PAS, pada 31 Oktober lalu 2005 akibat kanser hati. Pada tahun terbabit, Pengkalan Pasir mempunyai 18,411 pengundi termasuk 195 pengundi pos, terdiri daripada 17,454 (94.8 peratus) Melayu, 938 (5.09 setiap peratus) Cina, 55 (0.3 peratus) India dan 18 (0.1 peratus) pengundi kaum lain (The Sun, 6 Disember 2005). Daripada jumlah pengundi tersebut, 9,238 adalah wanita, yang menyumbang 50.18 peratus undi. Pilihan raya terbabit melibatkan 3 penjuror iaitu calon PAS iaitu Hanifa Ahmad, calon dari UMNO/BN iaitu Hanafi Mamat dan Ibrahim Ali sebagai Calon Bebas. Dalam Pilihan Raya Kecil terbabit calon dari UMNO/BN iaitu Hanafi Mamat telah menang dengan memperoleh 7,422 undi iaitu majoriti 134 menewaskan Hanifa Ahmad dari PAS dan Ibrahim Ali sebagai calon Bebas.

Namun begitu pada PRU 2008 kancas politik di DUN Pengkalan Pasir berubah tampuk dari Bn kepada Pas dengan calon mereka Hanifa Ahmad telah memperoleh 10,377 undi dengan majoriti 2,348 undi atau 12.76 peratus. Dalam PRU terbabit beliau telah menewaskan calon dari UMNO/BN iaitu Hanafi Mamat. Bagi PRU 2013 Hanifa Ahmad dari Pas berjaya mengekalkan kerusi ADUN yang dipegang oleh beliau dengan memenangi PRU terbabit memperoleh 13,398 undi dengan majoriti 4,715 undi atau 21.36 peratus menewaskan calon dari UMNO/BN iaitu Tuan Anuwa Tuan Mat. Walau bagaimanapun, pada PRU 2018, Hanifa Ahmad telah menerima tentangan yang cukup sengit dengan pertandingan 4 penjuror. Namun begitu, beliau berjaya mempertahankan kerusinya dengan memperoleh 10,143 undi menewaskan calon BN Che Johan Che Pa yang memperoleh 5,545 undi, calon PH/AMANAHAH iaitu Ust. Dr. Mohd Sharani Mohd Naim memperoleh 2,570 undi dan calon Bebas iaitu Ir. Suharto Mat Nasir memperoleh 826 undi. PAS menang dengan majoriti 4,598 atau 24.09% dari 19,084 pemilih.



RAJAH 1. Peta kawasan/bahagian pilihan raya DUN (N.12)  
Pengkalan Pasir, Kelantan

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

#### **4. Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian yang berkaitan dengan Parti Politik dan Dasar Perjuangan: Kajian Kes di DUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan. Objektif berkenaan penting bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap dasar perjuangan parti politik terpilih di kawasan kajian, mengkaji pengaruh dasar perjuangan parti politik terpilih terhadap pemikiran politik responden dan menganalisis orientasi/kecenderungan politik responden di kawasan kajian.

##### **4.1 Maksud “Dasar Perjuangan Parti Politik”**

Seramai 38 peratus orang responden berpendapat bahawa mereka tahu maksud dasar perjuangan parti politik manakala 36 peratus responden menyatakan tidak pasti tentang maksud terbabit. Terdapat juga 26 peratus orang responden yang menyatakan tidak tahu tentang maksud dasar perjuangan parti politik terbabit. Responden berpendapat sedemikian adalah kerana kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ini adalah golongan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Dalam masa yang sama juga terdapat juga responden yang terlibat dalam kancah politik di kawasan kajian. Menurut seorang responden beliau menyatakan bahawa dasar perjuangan parti politik ini merupakan perkara yang menjadi tunjang utama kepada sesebuah pertubuhan parti politik. Ianya berkaitan dengan objektif dan hala tuju parti tersebut untuk menjadi parti yang dipercayai oleh rakyat dan bertanggungjawab serta peka terhadap situasi rakyat. Selain itu, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa dasar perjuangan parti politik merupakan misi utama bagi sesebuah parti politik dalam usaha mereka untuk mempengaruhi pengundi. Responden yang lain juga berpendapat bahawa dasar terbabit juga merupakan intipati yang telah diterapkan sesuatu parti untuk meyakinkan rakyat bagi mengundi sesebuah parti tersebut. Dasar perjuangan parti politik juga merupakan tujuan pembentukan struktur pemerintahan dalam sesebuah negara supaya ideologi yang dipegang boleh dijadikan dasar pemerintahan dan dasar perjuangan parti politik juga merupakan suatu pegangan sesebuah parti politik yang mempunyai ideologi dan pegangan masing-masing.

Berdasarkan temu bual dengan En Hj. Huzaimi Yahya (Bendahari UMNO Bahagian Pasir Mas) beliau menyatakan bahawa:

“Kesemua dasar perjuangan politik yang wujud pada hari ini adalah bertujuan untuk membela rakyat yang menjadi asasnya. Jika diperhatikan segala dasar politik sama ada Amanah, Pas, Pribumi dan lain-lain semua itu mempunyai dasar untuk membela rakyat”

(En Hj. Huzaimi Yahya, 25 Mac 2022)

##### **4.2 Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Parti Politik dan Dasar Perjuangan Parti Politik”**

Tidak dinafikan lagi bahawa dasar perjuangan parti boleh mampu mewujudkan pelbagai pendapat tentang keupayaan dasar perjuangan parti yang dibawa oleh parti politik masing-masing di kawasan kajian. Berdasarkan kepada analisis kajian yang dijalankan didapati bahawa seramai 80 peratus responden bersetuju bahawa “Dasar perjuangan parti politik adalah penting bagi menentukan hala tuju parti tersebut” (Lihat Jadual 1). Hal ini kerana, sesebuah parti politik yang mempunyai dasar perjuangan yang jelas mampu memberi gambaran tentang perkara yang perlu dilakukan oleh mereka. Ianya juga adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada objektif utama mereka untuk membela rakyat terpengsong.

Dalam masa yang sama juga ianya adalah menjamin kemenangan mereka ketika pilihan raya kerana berjaya untuk memberi keyakinan dan jaminan kepada pemilih atau pengundi yang membuang undi untuk parti terbabit.

JADUAL 1: Pendapat umum mengenai pernyataan “Parti Politik dan dasar perjuangan parti politik” (Peratus)

Bil.	Parti Politik dan Dasar Perjuangan Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Dasar perjuangan parti politik adalah penting bagi menentukan hala tuju parti politik tersebut.	80	6	14
2.	Dasar perjuangan parti politik perlu seiring dengan isu semasa dan kehendak rakyat/pengundi.	76	18	6
3.	Dasar perjuangan parti politik perlu diterapkan dalam manifesto setiap pilihan raya umum.	70	8	22
4.	Fahaman atau ideologi ahli parti politik terbentuk daripada dasar perjuangan parti politik.	66	20	14
5.	Parti politik yang mengalami pemimpin atau wakil rakyat yang lompat parti adalah parti politik yang bermasalah dan mempunyai masalah kredibiliti.	64	14	22
6.	Parti politik perlu mengekalkan dasar perjuangan agar dilihat berprinsip dan konsisten.	64	12	24
7.	Parti politik yang berprinsip perlu menolak pemimpin atau wakil rakyat yang melompat parti atau ‘katak politik’ atau pengkhianat parti.	58	18	24
8.	Parti politik hilang kredibiliti sekiranya bersekongkol dengan pihak atau parti politik atau pemimpin yang bermasalah.	60	22	18
9.	Parti politik akan kekal relevan dan disokong ahli jika terus mengekalkan dasar perjuangan.	58	20	20
10.	Parti politik perlu bertolak ansur dan berkompromi serta mengeneipkan prinsip perjuangan parti masing-masing demi mengukuhkan pakatan atau gabungan politik yang dipersetujui bersama.	58	20	22
11.	Dasar perjuangan parti politik lebih penting berbanding legasi kepimpinan.	54	18	28
12.	Parti politik perlu menyesuaikan dasar perjuangan masing-masing dengan dinamika senario masa dan isu yang pelbagai.	52	24	24
13.	Penjajaran semula/realignment politik perlu diikuti oleh parti politik demi kuasa	52	18	30
14.	Ahli parti politik yang patuh/walok kepada pimpinan atasan merupakan ahli parti politik yang baik, rasional dan matang.	52	16	32
15.	Pendirian politik yang berubah-ubah boleh menjejaskan keyakinan ahli parti dan pengundi terhadap sesuatu parti politik seterusnya dilihat sebagai menggadai/mengeneipkan dasar perjuangan parti politik tersebut.	50	26	24
16.	Akta ‘anti lompat parti’ perlu disokong agar mandat pengundi dihormati.	50	34	16
17.	Kewujudan lebih banyak parti politik lebih menggalakkan ‘king breaker’ atau pemecah belah perpaduan rakyat.	50	26	24
18.	Prinsip “Bersetuju untuk tidak setuju” dan mencari titik persamaan dalam kalangan parti politik yang berbeza ideologi/pegangan boleh mewujudkan situasi politik yang aman, damai, sejahtera dan rahmah untuk semua.	50	20	30



19.	Parti politik yang kerap tewas dalam siri pilihan raya wajar ditolak kerana tidak mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada pengundi.	50	28	22
20.	Parti politik yang terlalu berpolitik/politiking boleh menimbulkan ketidakstabilan politik dan menyusahkan rakyat.	48	26	26
21.	Alasan politik pembangunan lebih penting dan praktikal berbanding prinsip atau dasar perjuangan parti.	46	28	26
22.	Pemimpin atau wakil rakyat yang lompat parti wajar diterima berlandaskan kepada hak untuk berorganisasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.	44	32	24
23.	Parti politik yang menggunakan ayat suci Al-Quran dan Hadis untuk kepentingan politik tidak wajar disokong dan boleh dilabel sebagai menyalahgunakan agama untuk kepentingan tertentu.	42	24	34
24.	Strategi untuk mendapat kuasa sama ada secara bermoral atau tidak bermoral lebih penting berbanding dasar perjuangan parti politik	42	30	28
25.	Parti politik yang menguasai sebilangan kecil kerusi boleh memainkan peranan sebagai ‘minoriti menguasai majoriti’ melangkaui dasar perjuangan parti politik.	40	22	38
26.	Dalam sesuatu percaturan politik, peranan sebagai ‘king maker’ atau kuasa penentu lebih penting berbanding mempertahankan prinsip perjuangan.	40	24	36
27.	Kuasa dan kedudukan lebih penting berbanding dasar perjuangan parti politik.	40	40	20

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, bagi pernyataan kedua tertinggi pula, seramai 76 peratus responden menyatakan bahawa “Dasar perjuangan parti politik perlu seiring dengan isu semasa dan kehendak rakyat atau pengundi”. Ini kerana, kebanyakan dasar yang diperjuangkan pada hari ini adalah berbeza-beza pada setiap kali PRU. Ianya adalah disebabkan ketidak upaya sesebuah jentera parti untuk menunaikan segala janji mereka ketika tempoh berkempen. Tambahan pula, jika dilihat pada dasar perjuangan parti pada hari ini kebanyakan dasar perjuangan parti politik hanya mementingkan diri sendiri atau imej parti mereka sahaja. Contohnya, PAS mereka hanya mementingkan Islam yang dijadikan tunjang utama dengan mengetepikan isu atau keperluan rakyat atau pengundi.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati seramai 70 peratus responden menyatakan bahawa “Dasar perjuangan parti politik perlu diterapkan dalam manifesto setiap pilihan raya umum”. Keadaan sedemikian adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya percanggahan dengan manifesto yang diperjuangkan oleh setiap parti politik. Dalam masa yang sama juga ianya adalah bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pengundi untuk melakukan pilihan yang tepat ketika pilihan raya nanti. Dalam masa juga penerapan dasar dalam manifesto sedemikian memudah rakyat untuk memahami segala rancangan yang bakal dilakukan sekiranya ahli atau parti politik terbabit menang. Bahkan dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan kajian oleh Fairclough (2000) yang menyifatkan manifesto pilihan raya sebagai dokumen parti politik.

### 4.3 *Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Dasar Perjuangan Parti Politik Terpilih di Malaysia”*

Kewujudan pelbagai jenis dasar perjuangan parti politik di negara ini menyebabkan wujudnya pelbagai pendapat umum tentang perkara sedemikian. Berdasarkan Jadual 2, analisis kajian mendapati bahawa Perikatan Nasional (PN) yang dianggotai BERSATU, PAS, GERAKAN dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang berpegang kepada prinsip ketelusan, integriti, menentang rasuah dan salah guna kuasa serta memperjuangkan hak semua kaum adalah sesuai dengan citarasa pengundi masa kini dengan 64 peratus. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada masa kini kebanyakan pengundi yang keluar mengundi adalah dalam kalangan belia yang berumur 21 tahun ke atas. Kebanyakan pengundi muda sedemikian akan memilih parti politik yang mampu memberi kebaikan kepada mereka dari segi peluang pekerjaan, kemudahan asas dan bantuan lain-lain. Ianya dapat diperkukuhkan lagi dengan kajian oleh (Yazid et al. 2020) yang menyatakan bahawa golongan muda memiliki perspektif yang tersendiri dalam pemilihan calon pilihan raya. Dalam masa yang sama juga ramai pengundi atau pemilih ingin mencuba nasib dengan membuang undi terhadap PN selepas BN atau UMNO gagal menyediakan kemudahan untuk mereka akibat konflik dalaman parti terbabit.

JADUAL 2. Pendapat umum mengenai pernyataan “Dasar perjuangan parti politik terpilih di Malaysia (Peratus)

Bil.	Dasar Perjuangan Parti Politik Terpilih di Malaysia	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Perikatan Nasional (PN) yang dianggotai BERSATU, PAS, GERAKAN dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang berpegang kepada prinsip ketelusan, integriti, menentang rasuah dan salah guna kuasa serta memperjuangkan hak semua kaum adalah sesuai dengan citarasa pengundi masa kini	64	18	18
2.	Gabungan Politik Sarawak (GPS) sebagai landasan baharu bagi melindungi hak dan kepentingan negeri demi memastikan masa depan Sarawak terus terjamin wajar disokong pengundi di Sarawak.	56	30	14
3.	Dasar perjuangan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) iaitu memperjuangkan masyarakat Sabah yang bersatu dan memajukan rakyat serta menjana pembangunan bandar dan luar bandar yang seimbang adalah baik.	56	30	14
4.	Dasar perjuangan UMNO iaitu memartabatkan hak dan kedudukan orang Melayu wajar disokong semua pihak.	54	26	20
5.	BERSATU dengan prinsip mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan hak-hak yang sah untuk semua kaum wajar disokong semua pihak.	54	28	18
6.	Dasar PAS iaitu memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah serta mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara sesuai diamalkan di negara ini.	52	22	30
7.	Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memperjuangkan demokrasi dan mempunyai wawasan untuk membina negeri Sabah yang maju, harmoni dan bersatu sesuai disokong pengundi.	50	20	30
8.	Barisan Nasional (BN) yang kini dianggotai UMNO, MCA, MIC dan PBRS dengan perjuangan demi agama, bangsa dan negara untuk semua bangsa serta mengamalkan politik permuafakatan adalah formula terbaik	44	28	28

	politik gabungan di negara ini.			
9.	Dasar perjuangan MCA dan MIC yang memperjuangkan hak dan kebijakan kaum Cina dan India wajar diterima oleh semua pihak	42	28	30
10.	Parti Warisan Sabah (WARISAN) dengan prinsip perjuangan untuk semua bangsa di Sabah yang bersatu, maju dan progresif wajar disokong pengundi di Sabah.	42	32	26
11.	Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN) yang memperjuangkan hak masyarakat India Muslim wajar disokong masyarakat India Muslim.	42	24	34
12.	Pakatan Harapan (PH) yang disertai PKR, DAP, AMANAH dan UPKO dengan prinsip perjuangan bagi mempertahankan hak dan kepentingan rakyat serta fokus kepada isu-isu rakyat sesuai dengan masyarakat majmuk di negara ini.	40	32	28
13.	Perjuangan AMANAH yang ingin memperjuangkan kedudukan Islam secara berhikmah dan rahmat ke seluruh alam adalah sesuai untuk semua lapisan masyarakat dan kaum serta agama.	40	40	20
14.	PUTRA atau Parti Bumiputera Perkasa Malaysia yang berpegang kepada dasar memperjuangkan segala agenda membabitkan kepentingan Melayu dan Islam wajar diangkat sebagai parti alternatif kepada parti Melayu baru.	40	28	32
15.	Dasar perjuangan GERAKAN untuk mewujudkan keharmonian masyarakat majmuk, keadilan sosial, kesaksamaan ekonomi, demokrasi berpolitik dan liberalisme budaya sesuai dengan masyarakat Malaysia.	38	26	36
16.	Prinsip-prinsip pegangan DAP yang memperjuangkan demokrasi, keadilan, kedaulatan undang-undang, peluang saksama, keadilan sosial, hak asasi, pentadbiran baik, dan kebebasan serta menentang rasuah, korupsi, perkauman, salah guna kuasa, kezaliman, dan sekatan hak asasi manusia adalah nilai yang baik dan wajar diakui semua pihak.	38	44	18
17.	Mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik yang progresif serta bersatu menjadikan dasar perjuangan PKR sesuai untuk kehidupan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.	26	48	26

*Sumber: Soal selidik 2022*

Selain itu, pernyataan kedua tertinggi iaitu “Gabungan Politik Sarawak (GPS) sebagai landasan baharu bagi melindungi hak dan kepentingan negeri demi memastikan masa depan Sarawak terus terjamin wajar disokong pengundi di Sarawak” mencatatkan 56 peratus. Ianya dapat diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg yang menyatakan bahawa “Perubahan ini menyaksikan parti komponen BN negeri yang memerintah Sarawak keluar untuk membentuk GPS dengan melaksanakan dasar berpaksikan rakyat Sarawak serta melaungkan slogan perjuangan ‘Utamakan Sarawak atau ‘Sarawak First’”. (Sinar Harian 2019). Dalam masa yang sama juga ketika Pilihan Raya Negeri Ke-12 (PRN-12) baru-baru ini GPS telah menggariskan 34 inisiatif dalam manifesto ketika PRN-12 berlangsung. Keadaan sedemikian yang dapat menarik perhatian terutama pengundi luar bandar bagi tujuan untuk membela nasib mereka.

Namun begitu, terdapat sebilangan responden yang menyatakan bahawa “Dasar perjuangan UMNO iaitu memartabatkan hak dan kedudukan orang Melayu wajar disokong semua pihak” dengan 54 peratus. Keadaan sedemikian adalah disebabkan perjuangan UMNO sejak sebelum merdeka lagi dalam usaha mereka untuk menyatupadukan semua kaum terutama orang Melayu daripada terus ditindas oleh pihak British pada ketika itu.

#### 4.4 Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Dasar Perjuangan Parti Politik”

Berdasarkan analisis kajian mendapati bahawa “Dasar perjuangan parti mampu mewujudkan suasana politik yang tenteram” memperoleh peratusan yang tertinggi iaitu 56 peratus (Lihat Jadual 3). Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah parti politik yang mempunyai dasar perjuangan mereka yang jelas sejak penubuhan parti terbabit mampu mengelakkan daripada berlaku perpecahan kaum dalam negara. Dalam masa yang sama juga kandungan yang wujud dalam dasar perjuangan terbabit mampu memberi impak yang positif untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat. Ini yang akan mewujudkan suasana politik negara yang aman dan tenteram.

JADUAL 3. Pendapat umum mengenai pernyataan “Dasar Perjuangan Parti Politik” (Peratus)

Bil.	Dasar Perjuangan Parti Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Dasar perjuangan parti mampu mewujudkan suasana politik yang tenteram.	56	12	32
2.	Saya tahu bahawa dasar yang diperjuangkan oleh parti politik di DUN Pengkalan Pasir.	52	18	30
3.	Perkara-perkara yang ada dalam dasar perjuangan parti politik dilaksanakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan anda.	52	24	24
4.	Dasar perjuangan parti politik membuatkan saya berasa selesa dan selamat	50	20	30
5.	Saya memperoleh maklumat tentang dasar perjuangan ketika tempoh berkempen dalam PRU.	46	20	34
6.	Saya memahami dasar perjuangan parti politik di kawasan saya	44	12	44

Sumber: Soal selidik 2022

Selain itu, peratusan tertinggi kedua dengan jumlah 52 peratus mendapati bahawa “Saya tahu bahawa dasar yang diperjuangkan oleh parti politik di DUN Pengkalan Pasir”. Keadaan sedemikian adalah disebabkan kebanyakan pengundi di kawasan kajian adalah golongan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Mereka akan mencari maklumat tentang dasar perjuangan parti melalui media massa mahupun media cetak. Ini akan memberi serba sedikit tentang maklumat dan isi kandungan yang terdapat dalam dasar perjuangan parti terbabit. Dalam masa yang sama juga mereka akan melakukan penilaian atau bandingan dengan dasar perjuangan parti politik yang lain sebelum membuat pemilihan yang tepat dalam pilihan raya.

Seterusnya, peratusan ketiga tertinggi adalah “Perkara-perkara yang ada dalam dasar perjuangan parti politik dilaksanakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan anda” iaitu 52 peratus. Ini jelas dapat dilihat apabila ADUN di kawasan kajian akan melaksanakan segala perkara yang terkandung dalam dasar perjuangan parti terbabit. ADUN di kawasan kajian juga akan melakukan kunjungan dan lawatan ke rumah penduduk setempat. Dalam masa yang sama juga memperbaiki segala kemudahan yang ada di kawasan kajian.

#### **4.5 Dasar Perjuangan Parti Politik Mempengaruhi Pemikiran Politik Responden Untuk Menyokong Parti Politik**

Berdasarkan dapatan kajian mendapati 44 peratus responden bersetuju bahawa ‘Dasar perjuangan parti politik mampu mempengaruhi pemikiran politik mereka untuk menyokong parti politik’. Ini kerana, dasar perjuangan terbabit yang akan memberi gambaran serba sedikit tentang masa depan dari segi kebajikan dan keperluan mereka dalam tempoh 5 tahun akan datang selepas pilihan raya diadakan. Dalam masa yang sama juga bahawa sebuah parti politik yang mempunyai dasar yang jelas akan memberi keyakinan kepada mereka. Selain itu, dapatan kajian juga seramai 36 peratus responden menyatakan bahawa dasar perjuangan parti politik tidak mempengaruhi pemikiran politik mereka. Ini kerana, kebanyakan ahli politik akan memperjuangkan dasar politik mereka ketika tempoh berkempen sahaja selepas tempoh berkempen mereka akan mengabaikan segala dasar yang diperjuangkan dahulu. Di samping itu, kebanyakan dasar yang diperjuangkan oleh parti politik adalah untuk kepentingan diri mereka sahaja. Di samping itu, seramai 20 peratus responden menyatakan mereka tidak pasti dengan dasar perjuangan parti politik mampu mempengaruhi pemikiran mereka untuk menyokong parti politik. Ini adalah disebabkan oleh mereka kurang maklumat tentang dasar perjuangan sedemikian dan mereka tidak berminat untuk melibatkan diri dalam kancah politik. Namun begitu, terdapat juga beberapa pendapat yang diperoleh dari soal selidik yang dijalankan mendapati bahawa responden menyatakan “Kewujudan dasar sedemikian mampu memberi gambaran yang cukup jelas terhadap kemajuan parti politik terbabit” dan “setiap dasar yang diperjuangkan hanyalah berkata-kata sahaja. mereka lebih berpolitik dari mendengar masalah rakyat”.

Berdasarkan temu bual bersama dengan YB Dato' Haji Hanifa Ahmad (ADUN Pengkalan Pasir) beliau menyatakan bahawa:

“Dasar perjuangan parti politik terbabit mempengaruhi saya dari segi perjuangan. Ini kerana, dalam Islam menyuruh kita memperjuangkan pemerintahan yang terlaksana didalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah”.

(YB Dato' Haji Hanifa Ahmad, 7 April 2022)

#### **4.6 Dasar Perjuangan Parti Politik Lebih Penting Berbanding Isu/Perkara Yang Berkaitan Kebajikan dan Keharmonian Hidup Rakyat**

Berdasarkan analisis dapatan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa seramai 54 peratus responden di kawasan kajian tidak bersetuju bahawa dasar perjuangan parti politik lebih penting berbanding isu rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, segala perkara yang dibangkitkan oleh rakyat haruslah diutamakan terlebih dahulu berbanding dasar sedemikian. Dalam masa yang sama juga segala masalah yang dihadapi haruslah dijadikan sebagai dasar mereka untuk memperjuangkan segala hak-hak rakyat dari segi keselamatan, keselesaan dan lain-lain. Jika dilihat dari pemerhatian yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa YB di kawasan kajian hanya memperjuangkan dasar perjuangan parti ketika berkempen sahaja.

Selain itu, seramai 28 peratus responden yang menyatakan setuju dengan pernyataan sedemikian. Ini adalah kerana, mereka berpendapat bahawa keupayaan sebuah parti politik untuk memperjuangkan isu atau perkara yang berkaitan dengan rakyat dapat dilihat pada dasar perjuangan parti terbabit. Ini kerana dasar perjuangan parti yang jelas mampu memberi gambaran yang jelas untuk mengatasi segala masalah yang berbangkit. Dalam masa yang sama juga dasar perjuangan parti yang jelas mampu mewujudkan kancah politik negara yang aman dan tenteram.

Di samping itu, dapat kajian juga mendapati bahawa seramai 18 peratus responden memilih tidak pasti terhadap pernyataan “Dasar Perjuangan Parti Politik Lebih Penting Berbanding Isu/Perkara Yang Berkaitan Kebajikan dan Keharmonian Hidup Rakyat”. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berpendapat tiada perbezaan antara kewujudan dasar perjuangan parti dengan adanya dasar perjuangan terbabit. Ini adalah disebabkan oleh isu atau kebajikan mereka tidak diperjuangkan oleh ahli politik di kawasan ini. Kebanyakan ahli politik hanya mementingkan dalam kalangan mereka sahaja. Terdapat juga pendapat yang lain yang menyatakan bahawa “Sesebuah parti politik yang ditubuhkan perlu mengutamakan kesejahteraan dan permasalahan rakyat terlebih dahulu” dan “kebajikan dan kepentingan rakyat perlu diambil berat kerana rakyat yang memilih parti sedemikian”.

#### 4.7 *Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Pengaruh Dasar Perjuangan Parti Politik Terhadap Pilihan Politik”*

Kewujudan dasar perjuangan parti politik yang berbeza-beza dapat mewujudkan pengaruh terhadap pilihan politik, antaranya adalah dalam Jadual 4. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa “Hasil daripada pengetahuan dan pemahaman saya terhadap dasar perjuangan parti politik, saya akan membuat pilihan secara rasional pada masa PRU akan datang” dengan peratusan sebanyak 68 peratus (Lihat Jadual 4). Tidak dinafikan dengan adanya maklumat tentang dasar yang diperolehi sama ada melalui pembacaan mahupun ceramah ianya akan memberi serba sedikit tentang ilmu pengetahuan tentang perkara sedemikian. Dengan adanya ilmu pengetahuan terbabit akan membolehkan penilaian dapat dibuat sebelum melakukan undian ketika PRU nanti.

JADUAL 4. Pendapat umum mengenai pernyataan “Pengaruh Dasar Perjuangan Parti Politik Terhadap Pilihan Politik” (Peratus)

Bil.	Pengaruh Dasar Perjuangan Parti Politik Terhadap Pilihan Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Hasil daripada pengetahuan dan pemahaman saya terhadap dasar perjuangan parti politik, saya akan membuat pilihan secara rasional pada masa PRU akan datang.	68	14	18
2.	Dasar perjuangan parti politik yang berlainan mampu mempengaruhi parti politik yang bakal anda pilih.	48	26	26
3.	Saya menyokong dasar perjuangan parti politik yang dibawa oleh pemimpin kawasan anda pada masa kini.	48	24	28
4.	Dasar perjuangan parti politik gagal mententeramkan kancah politik kawasan anda.	40	28	32
5.	Dasar perjuangan parti politik melahirkan penyokong yang taksab dan fanatik terhadap parti politik yang mereka sokong	38	20	42
6.	Dasar perjuangan PAS berjaya menarik pengundi muda untuk keluar mengundi pada PRU akan datang.	36	24	40
7.	Dasar perjuangan UMNO/BN lebih sesuai di kawasan saya.	28	28	44
8.	Pengundi di kawasan saya perlu lebih terbuka menerima dasar perjuangan PH yang menyeluruh untuk semua kaum.	14	38	48

Sumber: Soal selidik 2022

Selain itu, pernyataan ‘Dasar perjuangan parti politik yang berlainan mampu mempengaruhi parti politik yang bakal anda pilih merupakan pengaruh dasar perjuangan parti

politik' adalah kedua tertinggi iaitu 48 peratus. Ini kerana di Malaysia terutamanya di kawasan DUN Pengkalan Pasir terdapat pelbagai jenis parti politik antaranya PAS, UMNO/BN dan lain. Kesemua parti terbabit mempunyai dasar mereka masing-masing. Kewujudan dasar yang berlainan sedemikian yang akan memberi kelebihan kepada pengundi untuk membuat pilihan yang terbaik dalam usaha untuk membela nasib mereka. Dalam masa yang sama juga, dasar perjuangan parti yang berlainan akan memudahkan urusan rakyat bagi menilai parti mana yang mampu mentadbir kawasan mereka.

Seterusnya, pengaruh dasar perjuangan parti yang ketiga tertinggi adalah 'Saya menyokong dasar perjuangan parti politik yang dibawa oleh pemimpin kawasan anda pada masa kini' iaitu 48 peratus. Ini dikatakan demikian kerana, dasar perjuangan parti PAS yang dibawa di kawasan ini iaitu perjuangan yang berteraskan Islam. Kita sedia maklum kawasan Pengkalan Pasir majoriti masyarakat adalah beragama Islam. Keadaan sedemikian yang akan memberi kelebihan kepada PAS untuk mendapatkan mandat dan kepercayaan bagi mentadbir kawasan terbabit. Kebanyakan penduduk terutama golongan tua berpendapat dengan adanya dasar yang dibawa oleh ahli politik sekarang ini sudah mampu mewujudkan suasana politik yang aman dan tenteram.

#### **4.8 *Kecenderungan Untuk Menyokong Parti Politik***

Kewujudan pelbagai parti politik pada hari ini menyebabkan rakyat mempunyai banyak pilihan untuk membuat pilihan tentang parti politik yang mereka kehendaki. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, seramai 58 peratus responden memilih untuk menyokong parti politik yang bercirikan yang memperjuangkan agama. Hal ini dikatakan demikian kerana parti politik yang memperjuangkan agama Islam akan mendapat mandat dari rakyat untuk mentadbir kawasan tersebut. Ini adalah kerana, parti sedemikian dapat membezakan antara perkara yang baik dan buruk dalam usaha untuk menjaga kebajikan rakyat. Dalam masa yang sama juga parti politik yang bercirikan menjadi pilihan rakyat di kawasan ini adalah disebabkan majoriti penduduk adalah beragama Islam.

Selain itu, ciri parti politik yang kedua tertinggi menjadi pilihan adalah parti politik yang memperjuangkan hak semua bangsa dan agama. Kita sedia maklum negara Malaysia mempunyai pelbagai bangsa dan agama yang hidup dalam sebuah pentadbiran yang sama. Kewujudan parti yang bercirikan sedemikian akan mengelakkan berlaku perpecahan kaum dan pergaduhan yang besar supaya tragedi pada 13 Mei 1969 berlaku kembali. Di samping itu, ianya adalah bertujuan untuk mewujudkan suasana politik yang aman dengan keadilan yang diagihkan sama rata untuk semua kaum di dalam negara.

Seterusnya, responden penyataan yang ketiga tertinggi iaitu tidak pasti dengan 12 peratus. Ini adalah disebabkan oleh kebanyakan parti politik pada hari ini hanya mementingkan kaum mereka masing-masing sama ada UMNO, PAS, DAP dan PKR. Mereka mempunyai dasar mereka masing-masing yang menjadi perjuangan mereka sejak dahulu lagi. Oleh yang demikian, parti politik ini dapat dikategorikan sebagai parti yang berasaskan perkauman. Pemilihan penyataan sedemikian adalah disebabkan oleh wujud ketidakpercayaan dalam diri pemilih terhadap parti politik dan mereka kurang berminat untuk melibatkan diri dalam dunia politik negara.

Berdasarkan temu bual bersama dengan YB Dato' Haji Hanifa Ahmad (ADUN Pengkalan Pasir) beliau menyatakan bahawa:

"Saya lebih berkemungkinan memilih parti yang bercirikan Islam. Ini kerana, pemilihan parti yang bercirikan Islam adalah kerana untuk memperjuangkan di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah".

(YB Dato' Haji Hanifa bin Ahmad, 7 April 2022)

#### 4.9 Pendapat Umum Mengenai Pernyataan “Orientasi/Kecenderungan Politik”

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dijalankan mendapati 62 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Perjuangan untuk mewujudkan masyarakat dan pemerintah berlandaskan Islam yang diperjuangkan oleh PAS mampu mempengaruhi saya dalam PRU’ (Lihat Jadual 5). Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan yang sedemikian mampu melahirkan rakyat yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Dalam masa yang sama juga ianya dapat merapatkan silaturahim antara ahli politik dengan masyarakat.

Selain itu, pernyataan kedua tertinggi iaitu ‘Krisis politik yang sedang melanda Malaysia akan mempengaruhi saya untuk memilih parti politik yang sederhana dan stabil pada PRU akan datang’ mencatatkan 54 peratus. Ini kerana sejak dahulu lagi politik negara ini diwarnai dengan pelbagai krisis antaranya “lompat parti”, isu kaum, isu berkaitan pendidikan turut hangat diperdebatkan seperti penerimaan Unified Examination Certificate (UEC) dan juga pengenalan seni khat dan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tahun empat ketika PH memerintah. Kesemua konflik sedemikian akan memberi kesan kepada masyarakat kerana boleh menyebabkan mereka hilang kepercayaan dan beralih kepada parti lain. Dalam masa yang sama juga krisis sedemikian yang akan menyebabkan kancuh politik akan menjadi huru-hara.

JADUAL 5. Pendapat umum mengenai pernyataan “Orientasi/Kecenderungan Politik” (Peratus)

Bil.	Orientasi/Kecenderungan Politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Perjuangan untuk mewujudkan masyarakat dan pemerintah berlandaskan Islam yang diperjuangkan oleh PAS mampu mempengaruhi saya dalam PRU.	62	22	16
2.	Krisis politik yang sedang melanda Malaysia akan mempengaruhi saya untuk memilih parti politik yang sederhana dan stabil pada PRU akan datang.	54	18	28
3.	Penyediaan kemudahan asas yang lengkap mampu mempengaruhi pilihan politik saya pada PRU akan datang.	52	18	30
4.	Dasar perjuangan PAS membolehkan mereka untuk kekal memerintah kawasan anda pada PRU akan datang.	50	12	38
5.	Saya cenderung memilih PAS pada PRU akan datang.	46	28	26

Sumber: Soal selidik 2022

Seterusnya, dapatan kajian juga mendapati bahawa 52 peratus bersetuju dengan pernyataan ‘Penyediaan kemudahan asas yang lengkap mampu mempengaruhi pilihan politik pada PRU akan datang’. Ini adalah kerana sesebuah parti politik yang berjaya menyediakan kemudahan akan menjadi pilihan kerana ianya mampu memberi keselesaan kepada masyarakat. Dalam masa yang sama juga ianya dapat menjamin kualiti hidup seharian terutama bagi golongan belia. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad & Junaidi (2012) yang menyatakan bahawa golongan belia akan mengundi kepada parti politik yang mampu memberi kemudaaahn kepada mereka seperti kemudahan sukan dan lain-lain.



## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara kesimpulannya, Malaysia mengamalkan pilihan raya dalam keseluruhan sistem politiknya, dan ini merupakan antara ciri-ciri keunikan negara ini. Pilihan raya merupakan salah satu ciri-ciri demokrasi. Melalui pilihan raya, rakyat diberi peluang untuk memilih wakil yang akan mewakili mereka di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri melalui parti politik yang pelbagai. Parti politik merupakan elemen yang penting dalam negara terutamanya bagi negara yang mengamalkan demokrasi dalam pemerintahan. Dalam masa yang sama juga kewujudan parti politik memberi peluang dan ruang kepada masyarakat untuk menyampaikan kehendak dan tuntutan mereka terhadap kerajaan. Oleh itu, dasar perjuangan parti politik bagi kesemua parti haruslah selari dengan kehendak dan keperluan pengundi pada masa kini supaya kehidupan pengundi berada dalam keadaan terjaga dan terjamin. Jika sesebuah parti politik itu mampu memberi segala kemudahan kepada masyarakat secara tidak langsung parti sedemikian yang akan menjadi pilihan pengundi. Perkara yang cukup penting adalah kajian ini dapat membantu para pengkaji dalam usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan lain-lain. Di samping itu, ianya juga dapat dijadikan panduan serta rujukan untuk pihak yang berkepentingan.

## Rujukan

- Constance A. Flanagan & Lounie R. Sherrod. (1998). Youth political development an introduction. *Journal of Social Issues* 54(3): 447-456.
- Frederick Apipiah, Jian Jisiong & Vincent Arkorful. (2020). Anatomy of Africa's evil Siamese twins: A comparative research of boko haram and Al-shabab. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47(1) (April 2020): 98-120.
- Fairclough, N. (2000). *New Labour, New Language?* Routledge, London and New York.
- Kazimierz Slomczynski & Goldie Shabad. (2012). Perceptions of political party corruption and voting behaviour in Poland. *Party Politics* 18(6): 897-917.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 13(3): 97-11.
- Junaidi Awang Besar. (2020b). Analisis geografi politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjong Piai, Johor. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)* 5(20): 14-56.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 10: 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, N. Lyndon & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Pendekatan Teori Kelakuan Pengundi dan pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities Special Issue* 1(11) (2016): 60-77.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012). Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1):50-63.

- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Pembangunan dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* (7): (29-39).
- Samsiyah Ismail. (1996). Tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi pilihan raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sinar Harian. (2019). GPS: Landasan baharu Sarawak. <https://www.sinarharian.com.my/article/8575/EDISI/Sabah-Sarawak/GPS-Landasan-baharu-Sarawak>.
- Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 16(1): (80-94).